



BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA

**PANDUAN PERMOHONAN ORANG KOMPETEN (SYARIKAT)
PEMASANG DAN PEMBUKA LIF, ESKALATOR & LALUAN GERAK**

2025

Tarikh kemaskini: 18 April 2025

KANDUNGAN

1.0 PENDAHULUAN	2
2.0 PUNCA KUASA	2
3.0 TAFSIRAN	2
4.0 SKOP	3
5.0 SYARAT PERMOHONAN	3
6.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN	4
6.1 KATEGORI PERMOHONAN	4
7.0 DOKUMEN	10
7.1 DOKUMEN PERMOHONAN	10
8.0 PEMAKLUMAN (SELF DECLARATION)	16
9.0 FI	16
10.0 PIAGAM PELANGGAN	16

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Panduan permohonan ini disediakan oleh Unit Pengiktirafan, Bahagian Keselamatan Industri untuk rujukan kepada pemohon semasa membuat permohonan pendaftaran, pembaharuan dan kemaskini maklumat Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak melalui sistem mySKUD. Sistem mySKUD boleh dicapai melalui Sistem Single Sign On (SSO) di MyKKP (<http://mykkp.dosh.gov.my/>).
- 1.2 Panduan permohonan ini telah dikemaskini mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 (LYMPK 2024).

2.0 PUNCA KUASA

- 2.1 Seksyen 31B Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994) telah menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh memasang siap, memasang, mendirikan, membuka, menguji, memeriksa, menyenggara, membaiki atau menservis apa-apa loji atau kelengkapan kawalan kejuruteraan yang dinyatakan dalam Akta dan Peraturan – Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LYMPK) 2024 kecuali telah berdaftar sebagai Orang Kompeten (Syarikat) seperti mana ditetapkan oleh Ketua Pengarah.
- 2.2 Peraturan 4(1)(g), Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (LYMPK 2024) telah menyatakan bahawa jika loji yang menghendaki perakuan kelayakan itu merupakan dandang stim atau jentera mengangkat sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh, memastikan bahawa dandang stim atau jentera mengangkat itu **dipasang** oleh orang kompeten atau pengilang asalan.

3.0 TAFSIRAN

- 3.1 **Orang Kompeten** ertinya orang kompeten yang berdaftar di bawah Seksyen 31C AAKP 1994.
- 3.2 **Orang Kompeten (Syarikat)** Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak adalah Orang Kompeten (dalam bentuk Syarikat) yang menjalankan aktiviti yang dinyatakan di dalam Perkara 2.1.
- 3.3 **Orang Yang Berkelayakan** ertinya Orang Kompeten seperti yang diterangkan dalam 3.1.
- 3.4 **Lif** ertinya suatu jentera mengangkat dengan pemacu tarikan, positif atau hidraulik, yang berfungsi pada aras tertentu dan mempunyai pembawa yang bergerak di sepanjang panduan yang tegar dan condong pada sudut lebih daripada 15 darjah ke arah mengufuk, atau di sepanjang laluan tetap walaupun ia tidak bergerak di sepanjang panduan tegar, bagi maksud mengangkat orang

sahaja, atau orang dan barang tetapi ia tidak termasuk lif dengan kelajuan terkadar kurang daripada 0.15 meter per saat.

- 3.5 **Laluan gerak** ertinya suatu jentera mengangkat untuk mengangut orang yang permukaan pembawa pengguna itu kekal selari dengan setiap arah gerakan dan tidak terganggu.
- 3.6 **Standard yang diiktiraf** ertinya standard yang diiktiraf seperti di dalam Jadual Keempat, Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024.

4.0 SKOP

Skop Panduan permohonan adalah berdasarkan Jadual di bawah:

SKOP PENDAFTARAN ORANG KOMPETEN (SYARIKAT) PEMASANG & PEMBUKA LIF, ESKALATOR & LALUAN GERAK	
KOD	SKOP
L1	Lif
L2	Eskalator
L3	Laluan Gerak

Jadual 1

5.0 SYARAT PERMOHONAN

- 5.1 Pemohon perlu mempunyai tempat kerja utama yang telah mempunyai nombor Pemberitahuan Tempat Kerja, PEMTK dengan JKKP Negeri melalui sistem MyKKP. Tempat kerja utama tersebut hendaklah dipastikan lengkap dengan jentera dan peralatan kawalan kualiti mengikut skop yang dipohon.
- 5.2 Pemohon perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang kakitangan teknikal yang bertanggungjawab setiap bahagian bagi skop pemasang dan pembuka lif, eskalator dan laluan gerak. Empat (4) bahagian wajib yang terlibat adalah seperti berikut:
 - i. Bahagian Projek Kejuruteraan
 - ii. Bahagian Kawalan Kualiti (QA/QC)
 - iii. Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)
 - iv. Orang Yang Berkelayakan (OYB) Lif Gred 1, Gred 2, Gred 3 dan Juruteknik yang mempunyai sijil latihan SKM

Nota: Setiap kakitangan teknikal i, ii dan iii tidak boleh memegang jawatan lain KECUALI OYB Jentera Mengangkat YANG MEMENUHI KELAYAKAN sahaja dibenarkan memegang salah satu jawatan pada bahagian tersebut.

6.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN

6.1 KATEGORI PERMOHONAN

PILIHAN KATEGORI PERMOHONAN ORANG KOMPETEN (SYARIKAT) PEMASANG & PEMBUKA LIF, ESKALATOR & LALUAN GERAK	NOTA PENERANGAN
Pendaftaran	<p>Permohonan pendaftaran merujuk kepada pemohon yang baru pertama kali memohon untuk didaftarkan sebagai Pemasang & Pembuka Lif, Eskalator & Laluan Gerak. Pemohon perlu merujuk panduan permohonan ini bagi menyemak dan memilih skop pendaftaran yang berkemampuan untuk dinilai dan didaftarkan oleh Jabatan sebagai Orang Kompeten (Syarikat).</p> <p>Pemohon juga perlu memastikan telah mendapat kelulusan pendaftaran atau kelulusan penukaran Orang Kompeten (Syarikat) bagi Orang Yang Berkelayakan (OYB) Lif Gred 1 di bawah nama syarikat melalui sistem mySKUD terlebih dahulu. Sekurang-kurangnya seorang Orang Yang Berkelayakan (OYB) Lif Gred 1 diperlukan bagi permohonan pendaftaran Orang Kompeten (Syarikat).</p>
Pembaharuan	<p>Permohonan pembaharuan Orang Kompeten (Syarikat) merujuk kepada Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang & Pembuka Lif, Eskalator & Laluan Gerak yang telah berdaftar dengan Jabatan. Orang Kompeten (Syarikat) hendaklah aktif menjalankan kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan sepanjang tempoh kelulusan yang lepas. Orang Kompeten (Syarikat) dinasihatkan supaya memohon pembaharuan Orang Kompeten (Syarikat) lebih awal iaitu bermula tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh kelulusan Orang Kompeten (Syarikat).</p>

	Sekiranya tempoh kelulusan Orang Kompeten (Syarikat) yang sebelumnya telah tamat melebihi tempoh 1 tahun tanpa pembaharuan, syarikat dikehendaki memaklumkan kepada Unit Pengiktirafan, Bahagian Keselamatan Industri dan perlu memohon proses PENDAFTARAN semula melalui sistem mySKUD.
Kemaskini Maklumat	<p>Pemohon perlu memohon kemaskini maklumat Orang Kompeten (Syarikat) bagi perubahan pada skop pendaftaran (Bahagian A), maklumat syarikat (Bahagian B), maklumat kakitangan teknikal (Bahagian C) maklumat cawangan (Bahagian D), maklumat pengilangan/prinsipal (Bahagian E), maklumat pemasangan & penyelenggaraan (Bahagian F) atau mana-mana maklumat berkaitan Dokumen Sokongan yang wajib selepas kelulusan pendaftaran atau pembaharuan dan bukan 3 bulan sebelum tamat tempoh kelulusan.</p> <p>Proses ini akan melibatkan semakan dokumen, pembentangan teknikal atau audit di tempat kerja berdasarkan perubahan tersebut. Syarikat akan dibenarkan menjalankan kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan berdasarkan maklumat yang dikemaskini selepas kelulusan Jabatan.</p>

Jadual 2

6.2 BUTIRAN PERMOHONAN

Bahagian A: Maklumat Sub-Permohonan

Pilih **Skop Pendaftaran** seperti yang terdapat dalam **Jadual 1**.

Bahagian B: Maklumat Syarikat

Pemohon bagi Pendaftaran dan Pembaharuan Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang & Pembuka Lif, Eskalator & Laluan Gerak, hendaklah memastikan maklumat tempat kerja utama yang dimasukkan telah mempunyai nombor Pemberitahuan Tempat Kerja (PEMTK) dengan JKPP Negeri melalui sistem MyKKP.

Nota: Maklumat kakitangan yang dihubungi seperti nama, alamat email dan nombor telefon bimbit hendaklah merujuk kepada kakitangan syarikat yang bertanggungjawab dalam menghantar permohonan syarikat.

Bahagian C: Maklumat Kakitangan Teknikal

Setiap kakitangan teknikal bahagian masing-masing hendaklah memenuhi semua syarat kelayakan seperti jadual di bawah:

KRITERIA KELAYAKAN KAKITANGAN TEKNIKAL	
Bahagian Projek Kejuruteraan	
a)	Warganegara Malaysia atau bagi bukan Warganegara Malaysia hendaklah mempunyai permit bekerja yang sah di Malaysia.
b)	Mempunyai pengetahuan berkaitan perundangan KKP, kod dan standard yang diiktiraf bagi reka bentuk dalam pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan lif, eskalator & laluan gerak.
c)	<p>Kelayakan akademik dan pengalaman;</p> <p>Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal / Elektrikal / Elektronik atau setaraf¹ dengannya yang diiktiraf oleh Malaysian Qualification Accreditation (MQA) atau The Board of Engineers (BEM) dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan lif, eskalator & laluan gerak;</p> <p style="text-align: center;">atau</p> <p>Memiliki diploma dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal / Elektrikal / Elektronik atau setaraf¹ dengannya yang diiktiraf oleh Malaysian Qualification Accreditation (MQA) atau The Board of Engineers (BEM) dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan lif, eskalator & laluan gerak;</p> <p style="text-align: center;">atau</p> <p>Memiliki sijil kemahiran tahap 4 dalam bidang kejuruteraan/setara dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan lif, eskalator & laluan gerak.</p>
d)	Menghadiri dan mempunyai sijil latihan berkaitan pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan lif, eskalator & laluan gerak.

Bahagian Kawalan Kualiti (QA/QC)	
a)	Warganegara Malaysia.
b)	Mempunyai pengetahuan berkaitan perundangan, kod dan standard yang diiktiraf bagi rekabentuk dalam pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan lif, eskalator & laluan gerak.
c)	Menghadiri dan mempunyai sijil latihan berkaitan kawalan kualiti bagi pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan lif, eskalator & laluan gerak.
d)	<p>Kelayakan akademik dan pengalaman:</p> <p>Memiliki ijazah Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal / Elektrikal / Elektronik atau setaraf¹ dengannya yang diiktiraf oleh Malaysian Qualification Accreditation (MQA) atau The Board of Engineers (BEM) dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan lif, eskalator & laluan gerak;</p> <p style="text-align: center;">atau</p> <p>Memiliki diploma dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal / Elektrikal / Elektronik atau setaraf¹ dengannya yang diiktiraf oleh Malaysian Qualification Accreditation (MQA) atau The Board of Engineers (BEM) dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan lif, eskalator & laluan gerak;</p> <p style="text-align: center;">atau</p> <p>Memiliki sijil kemahiran tahap 3 dalam bidang kejuruteraan/setara dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan lif, eskalator & laluan gerak;</p> <p style="text-align: center;">atau</p> <p>Memiliki SPM/setara dan berpengalaman selama sepuluh (10) tahun dalam kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan lif, eskalator & laluan gerak.</p>
Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)	
	<p>Syarikat perlu melantik Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (Safety & Health Officer - SHO) jika tertakluk di bawah Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan), 1997*;</p> <p style="text-align: center;">atau</p>

	<p>Bagi tempat kerja yang kurang dari 100 orang pekerja, syarikat perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang Penyelia Keselamatan Tapak Bina (SSS) yang berdaftar dengan JKKP;</p> <p style="text-align: center;">atau</p> <p>Melantik Penyelia KKP yang telah menghadiri kursus OSH Coordinator (OSH-C) dengan penyedia latihan berdaftar dengan JKKP.**</p> <p>Maklumat No. Pendaftaran SHO/SSS/OSH-C yang sah perlu dimasukkan bagi maklumat kakitangan teknikal Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.</p> <p><i>*Sila pastikan setiap kakitangan SHO/SSS/OSH-C telah berdaftar dengan majikan terkini semasa membuat permohonan. Semakan profil OYK ini boleh disemak melalui profil OYK pada laman web myKKP.</i></p> <p><i>**Sila rujuk Senarai Pusat Pengajar Bagi Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH Coordinator) di dalam laman web rasmi Jabatan.</i></p>
--	---

Orang Yang Berkelayakan (OYB) Lif

a)	Warganegara Malaysia.
b)	<p>Telah memenuhi syarat dan berdaftar sebagai Orang Yang Berkelayakan (OYB) Lif Gred 1, Gred 2 atau Gred 3 di bawah nama syarikat pemohon terlebih dahulu.</p> <p>No. Kad Pengenalan Orang Yang Berkelayakan (OYB) Lif yang sah perlu dimasukkan pada maklumat kakitangan teknikal Bahagian C.</p> <p>Mesej ralat akan terpapar jika Orang Yang Berkelayakan (OYB) Lif masih tidak didaftarkan atau lulus permohonan pembaharuan Orang Yang Berkelayakan (OYB) Lif di bawah nama syarikat pemohon.</p>
c)	<p>Setiap permohonan pendaftaran Orang Kompeten (Syarikat) baru perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang Orang Yang Berkelayakan (OYB) Lif Gred 1, Gred 2 dan Gred 3 yang telah didaftarkan di bawah nama syarikat terlebih dahulu.</p> <p>Bagi permohonan pembaharuan dan kemaskini, Orang Kompeten (Syarikat) perlu memenuhi nisbah jumlah Orang Yang Berkelayakan (OYB) Lif dan jumlah jentera terkini yang diselenggara iaitu 1:200.</p>

Jadual 3

(Nota ¹ Kelulusan akademik yang dilampirkan hendaklah dan tidak terhad kepada pengetahuan dan kemahiran teknikal seseorang di dalam bidang fizik, pengiraan matematik kejuruteraan, reka bentuk kejuruteraan teknikal dan kekuatan bahan kejuruteraan).

Pemohon hendaklah memuatnaik sijil kehadiran kursus berkaitan reka bentuk pemasang dan pembuka lif, eskalator dan laluan gerak dan OSH-C pada Bahagian C. Dokumen lain seperti resume, sijil akademik, sijil kursus teknikal dan KKP kakitangan pada Bahagian C hendaklah dimuatnaik pada Dokumen Permohonan No. 3.

Bahagian D: Maklumat Cawangan

Sekiranya syarikat mempunyai premis cawangan yang ingin didaftarkan bagi menjalankan kerja sebagai Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang & Pembuka Lif, Eskalator & Laluan gerak, cawangan tersebut hendaklah berdaftar dengan JKPP Negeri di bawah sektor kilang ATAU tempat kerja lain sektor (TKLS) melalui sistem MyKKP.

Pemohon juga perlu memohon Pengaktifan Tempat Kerja (PATK) untuk mengaktifkan maklumat premis cawangan yang dipohon melalui sistem MyKKP.

BUTIRAN	NOTA PENERANGAN
Nama Syarikat	Merujuk kepada nama syarikat (tempat kilang utama) yang didaftarkan seperti di Bahagian B.
Nombor Pendaftaran Syarikat*	Nombor pemberitahuan tempat kerja cawangan syarikat yang didaftarkan di dalam MyKKP di bawah sektor kilang atau TKLS.
Nombor Telefon Syarikat*	Nombor telefon cawangan syarikat yang didaftarkan untuk Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang & Pembuka Lif, Eskalator & Laluan Gerak.
E-mel Syarikat*	E-mel cawangan syarikat yang boleh dihubungi oleh Jabatan.
Bilangan Pekerja*	Bilangan pekerja yang berjawatan tetap dan kontrak di cawangan syarikat.
Kakitangan Teknikal*	Maklumat kakitangan teknikal yang bertanggungjawab di cawangan tempat kerja. Syarikat perlu menyediakan sekurang-kurangnya seorang kakitangan teknikal reka bentuk, projek kejuruteraan, kawalan kualiti, dan KKP khusus bagi cawangan tempat kerja jika lokasi cawangan tempat kerja berlainan daerah dengan tempat kerja utama. <i>Nota: Sekiranya lokasi cawangan tempat kerja berada dalam satu daerah yang sama, pemohon boleh menggunakan senarai kakitangan teknikal tempat kerja utama.</i>

Jadual 4

Bahagian E: Maklumat Prinsipal / Pengilangan

Permohonan Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang & Pembuka Lif, Eskalator & Laluan Gerak hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) prinsipal/pengilangan lif, eskalator dan laluan gerak yang masih aktif dengan menyertakan maklumat prinsipal/pengilangan serta jenama yang digunakan.

Bagi permohonan pendaftaran baru atau permohonan kemaskini maklumat prinsipal/pengilangan yang baru adalah dinasihatkan supaya syarikat menyemak status prinsipal/pengilangan tersebut melalui Portal Jabatan atau Unit Pengiktirafan, Bahagian Keselamatan Industri terlebih dahulu. Setiap Orang Kompeten (Syarikat) tidak boleh mempunyai prinsipal/pengilangan yang sama dengan Orang Kompeten (Syarikat) yang lain tanpa kebenaran Jabatan.

**Pemohon perlu mengisi maklumat prinsipal berikut: Nama Prinsipal, Alamat Prinsipal, No Telefon, Emel Syarikat, Nama Orang Yang Boleh Dihubungi, No. Telefon Bimbit Orang Yang Boleh Dihubungi dan Emel Orang Yang Boleh Dihubungi.*

Bahagian F: Maklumat Pemasangan dan Penyelenggaraan

Setiap Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang & Pembuka Lif, Eskalator & Laluan Gerak hendaklah melengkapkan maklumat pemasangan dan penyelenggaraan bagi kategori permohonan pembaharuan dan kemaskini. Maklumat yang diperlukan ialah jenis jentera, negeri, jenama, jumlah pemasangan dan jumlah penyelenggaraan yang terkini.

7.0 DOKUMEN

7.1 DOKUMEN PERMOHONAN

Dokumen sokongan berikut hendaklah dimuat naik untuk permohonan ini dan perlu disimpan dalam format PDF.

BUTIRAN	NOTA PENERANGAN
1) Ringkasan latar belakang syarikat *	Mengandungi katalog, maklumat latar belakang atau profil syarikat utama dan cawangan*
2) Carta organisasi utama tempat kerja (utama dan cawangan)	Carta organisasi syarikat utama dan cawangan yang terkini yang mengandungi semua kakitangan syarikat. Sila tandakan nama penuh, bahagian dan jawatan kakitangan teknikal, kakitangan KKP serta Orang Yang Berkelayakan (OYB) Lif yang terlibat pada Bahagian C pada carta organisasi tersebut.

3) Senarai nama kakitangan teknikal dan KKP bagi tempat kerja (utama dan cawangan)	<p>Menyediakan senarai maklumat dalam bentuk jadual atau resume bagi setiap kakitangan teknikal, kakitangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) serta kakitangan Orang Yang Berkelayakan (OYB) lif pada Bahagian C yang mengandungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nama • Jawatan • Pengalaman kerja berkaitan pemasangan dan penyelenggaraan lif, eskalator & laluan gerak • Kelayakan akademik berkaitan yang tertinggi • Jenis latihan/kursus teknikal dan KKP berkaitan yang telah dihadiri. <p>Sertakan resume, sijil akademik dan sijil kursus bagi setiap kakitangan tersebut. Bagi syarikat yang mempunyai cawangan yang lain untuk didaftarkan, syarikat perlu menyediakan maklumat kakitangan teknikal yang lain bagi setiap cawangan tersebut jika berlainan daerah dengan syarikat.</p>
4) Senarai aktiviti dan pengalaman kerja*	<p>Maklumat perlu mengandungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Senarai pengalaman kerja berkaitan skop pendaftaran (pendaftaran baru). • Senarai rekod kerja berkaitan skop pendaftaran sepanjang tempoh kelulusan (pembaharuan). • Senarai aktiviti kerja selain berkaitan skop permohonan.
5) Dokumen perjanjian ‘MoU’ dengan prinsipal / pengilangan	<p>Dokumen perjanjian ‘MoU’ dengan prinsipal/pengilangan lif, eskalator dan laluan gerak luar negara yang mengandungi tidak terhad kepada maklumat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerjasama latihan, teknikal dan kejuruteraan • Maklumat model dan jenama • Tarikh sah dan tempoh perjanjian dengan prinsipal

	<ul style="list-style-type: none"> • Tempoh perjanjian masih sah dan perlu dikemaskini sekurang-kurangnya setiap 5 tahun sekali.
6) Sijil berkaitan dengan prinsipal / pengilangan	<p>Senarai sijil ujian sistem dan komponen keselamatan lif, eskalator & laluan gerak yang terkini seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lesen pengilangan special equipment dengan pihak berkuasa negara asal • Sijil daripada Badan Kuasa Memeriksa (System Type Test Certificate) • Sijil daripada Badan Kuasa Memeriksa (Safety Component Type Test) • Pembuktian mempunyai Menara Ujian (Test Tower) bagi setiap prinsipal • Sijil Orang Yang Berkelayakan (OYB) Lif telah menghadiri latihan bersama pihak prinsipal <p>*Dokumen di atas hendaklah memenuhi kehendak Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Peraturan - Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 dan standard yang terkini.</p> <p>*Bagi permohonan verifikasi model lif, eskalator, laluan gerak dan pengecualian peraturan adalah tertakluk kepada kelulusan Unit Lif, Seksyen Rekabentuk, Bahagian Keselamatan Industri, JKPP Ibu Pejabat.</p>
7) Senarai jentera dan peralatan dimiliki beserta spesifikasi bagi syarikat dan cawangan (jika ada)*	<p>Senarai dan spesifikasi peralatan kerja pemasangan dan penyelenggaraan terkini tidak terhad kepada berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Grinder • Drill machine • Tightening tools • Scaffold set/ false car for installation • Spare parts

	<p>Senarai dan spesifikasi peralatan pemeriksaan kualiti terkini tidak terhad kepada berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Vernier caliper • Groove & feeler gauge • Volt meter • Ohm meter • Tachometer • Load tester <p>Senarai peralatan di atas juga diperlukan untuk permohonan kemaskini cawangan yang baru.</p>
8) Manual Kawalan Kualiti yang mengandungi maklumat berkaitan dengan kerja-kerja dalam skop permohonan*	<p>Menyediakan Manual Kawalan Kualiti syarikat yang mengandungi tidak terhad kepada perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Polisi Kualiti yang ditandatangani oleh pihak pengurusan tertinggi • Prosedur dan senarai semak bagi pemasangan • Prosedur dan senarai semak bagi penyenggaraan dan penelitian • Prosedur dan senarai semak bagi pembukaan • Prosedur aduan pelanggan, menyelamat dan kecemasan • Senarai manual pemasangan dan pembukaan daripada prinsipal/pengilangan lif, eskalator dan laluan gerak (muka hadapan sahaja).
9) Maklumat pemantauan sub-kontraktor pemasangan lif, eskalator dan laluan gerak	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai nama dan alamat sub-kontraktor pemasangan lif, eskalator dan laluan gerak yang dilantik oleh syarikat. • Menyediakan Prosedur pemantauan dan kawal selia sub-kontraktor yang khusus untuk membantu kerja pemasangan sahaja.

10) Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang mengandungi maklumat berkaitan dengan kerja- kerja dalam skop permohonan*	<p>Menyediakan Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang mengandungi tidak terhad kepada perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Polisi Keselamatan dan Kesihatan yang ditandatangani oleh pihak pengurusan tertinggi. • Carta Organisasi Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan (JKK). • Prosedur Kerja Selamat (SOP) bagi kerja-kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan • Penaksiran risiko yang disediakan dalam bentuk HIRARC, JHA atau JSA bagi kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan.
11) Senarai Kod Rekabentuk berkaitan yang dimiliki*	<p>Pemohon hendaklah mengemukakan senarai kod rekabentuk terkini digunakan tidak terhad kepada</p> <p>*EN81/MS2021/EN115/ASME/BS dan lain-lain.</p> <p>Setiap kod rekabentuk yang digunakan hendaklah disediakan apabila diminta oleh Jabatan ini semasa proses semakan dokumen, pembentangan, audit dan permohonan kemaskini skop.</p>
12) Surat Kebenaran / Lesen Perniagaan (PBT, SSM, PERKESO dan lain-lain)*	<p>Pemohon hendaklah mengemukakan salinan surat kebenaran / lesen perniagaan yang sah seperti pendaftaran dengan pihak berkuasa tempatan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Borang 9 dan 49) dan pendaftaran dengan PERKESO yang terkini bagi permohonan pendaftaran, pembaharuan dan kemaskini premis baru.</p>

13) Senarai pencarum KWSP kakitangan syarikat bagi 3 bulan berturut yang terkini*	Pemohon hendaklah mengemukakan rekod salinan penyata bayaran caruman KWSP yang mengandungi kakitangan teknikal, kakitangan KKP dan Orang Yang Berkelayakan (OYB) Lif yang dinyatakan pada Bahagian C untuk tiga (3) bulan berturut yang terkini untuk permohonan pendaftaran, pembaharuan dan kemaskini maklumat kakitangan.
14) Program Latihan Teknikal dan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP) kakitangan syarikat dan cawangan*	<p>Pemohon hendaklah menyediakan senarai rekod program latihan/kursus teknikal dan KKP dalaman dan luaran bagi syarikat dan cawangan dalam bentuk jadual seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Senarai latihan tahunan yang telah dijalankan sebelum permohonan (pendaftaran baru dan kemaskini skop) atau sepanjang kelulusan yang lepas (pembaharuan) • Pelan perancangan latihan bagi tahun semasa (pendaftaran baru, pembaharuan dan kemaskini skop).
15) Senarai sijil pengiktirafan yang telah diterima (ISO 9001/ISO 45001/OHSAS 18001/ISO 14001/ISO 14001/ MS 1722/ASME dan lain-lain) jika ada	<p>Pemohon hendaklah memuatnaik sijil pengiktirafan berkaitan pencapaian kualiti pengurusan, teknikal dan KKP yang telah diterima syarikat dan masih dalam tempoh sah.</p> <p>Setiap sijil pengiktirafan asal yang dinyatakan hendaklah disediakan apabila diminta oleh Jabatan ini semasa proses semakan dokumen, pembentangan, audit dan permohonan kemaskini skop.</p>

Jadual 5

8.0 PEMAKLUMAN (SELF DECLARATION)

Pihak Jabatan boleh menolak permohonan, menggantung dan membatalkan pengiktirafan ke atas syarikat jika didapati:

- a) Tidak memenuhi mana-mana kriteria permohonan pendaftaran FYK; atau
- b) Memalsukan dokumen dan maklumat permohonan; atau
- c) Telah melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh JKKP seperti yang dinyatakan di dalam surat kelulusan pendaftaran atau
- d) Telah melanggar syarat-syarat lain yang dikeluarkan oleh JKKP dari semasa ke semasa; atau
- e) Telah memperoleh pendaftaran melalui salah nyataan atau fraud.

9.0 FI

Pembayaran fi pemprosesan dan pendaftaran bagi permohonan pendaftaran, pembaharuan dan kemaskini maklumat Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak adalah mengikut Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Fi Bagi Pendaftaran Dan Pembaharuan Orang Kompeten Dan Penyedia Latihan Berdaftar) 2024.

10.0 PIAGAM PELANGGAN

- 10.1 Permohonan yang LENGKAP akan diproses (melibatkan semakan dokumen, sesi pembentangan teknikal dan audit) dalam **TEMPOH TIGA PULUH (30) HARI BEKERJA**. Pihak syarikat dikehendaki untuk mengemukakan maklumat tambahan sekiranya diperlukan oleh pegawai proses. Keputusan kelulusan sebagai Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang & Pembuka Lif, Eskalator & Laluan gerak akan dimaklumkan kepada pemohon melalui sistem mySKUD.
- 10.2 Permohonan yang tidak lengkap akan **dibatalkan / tidak diluluskan** dan pemohon perlu mengemukakan permohonan semula selepas menjalankan penambahbaikan dan mematuhi panduan permohonan yang ditetapkan.
- 10.3 Bagi pemohon yang telah memenuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan, kelulusan pendaftaran baru Orang Kompeten (Syarikat) akan diberikan untuk tempoh satu (1) tahun. Manakala bagi permohonan pembaharuan Orang Kompeten (Syarikat) yang lengkap dan masih aktif dalam skop permohonan, tempoh kelulusan diberikan tiga (3) tahun.

Disediakan oleh:

UNIT PENGIKTIRAFAN

SEKSYEN PENGIKTIRAFAN, PEPERIKSAAN &

PERSIJILAN BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI

JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA

18 APRIL 2025